

(9 Jun 2021) Harian Metro, p. 6

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 5,566 kes baharu Covid-19 dengan 76 kematian semalam, selepas memasuki hari kelapan pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh (SPP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, angka itu

KKM rekod 5,566 kes baharu, 76 kematian

menjadikan jumlah kumulatif penularan kes itu dalam negara sebanyak 627,652 kes.

“Selangor kekal merekodkan kes (harian) tertinggi iaitu 1,524 kes diikuti Sarawak (707); Negeri Sembilan (505); Kuala Lumpur (466); Johor (456); Sabah

(350) dan Melaka (314).

“Selain itu, Perak (225); Kelantan (204); Wilayah Persekutuan Labuan (191); Pulau Pinang (185); Pahang (157); Kedah (148) dan Terengganu (106).

“Manakala, Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan 27 kes dan Perlis de-

ngan satu kes,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, pihaknya turut merekodkan sebanyak 6,962 kes sembuh semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes sebanyak 541,319.

“Sebanyak 903 kes pula

memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) yang mana daripada jumlah itu 458 memerlukan bantuan pernafasan.

“Hari ini (semalam) juga sebanyak 76 kes kematian membabitkan 18 kes di Selangor, 13 kes di Johor, sembilan kes di Negeri Sembilan

dan lapan kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

“Selain itu, tujuh kes kematian turut direkodkan di Wilayah Persekutuan Labuan, masing-masing empat kes di Kelantan, Melaka dan Kedah, tiga kes di Terengganu, masing-masing dua kes di Perak dan Pahang, serta masing-masing satu kes di Sabah dan Sarawak,” katanya.